# SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN (PKPB)

Dikemaskini pada 31 Mac 2021

## Merangkumi

- Pengilangan dan pembuatan dalam sektor ekonomi perlu.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

| Waktu Beroperasi: | Normal | Waktu Kehadiran Pelanggan: | Normal | Kapasiti Pekerja: | Normal |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pencegahan dan kawalan penyakit | • Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi saringan gejala penyakit dan pencegahan penularan jangkitan dengan merujuk kepada garis panduan ***Annex 25: COVID-19: MANAGEMENT GUIDELINES FOR WORKPLACES*** Kementerian Kesihatan Malaysia: http://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm. |
| Saringan kesihatan | • Menyediakan *thermal scanner* atau *handheld infrared thermometer.*<br>• Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari.<br>• Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk kilang / premis.<br>• Kakitangan yang mempunyai suhu melebihi 37.5 celcius dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selsema, susah bernafas tidak dibenarkan bertugas dan memasuki premis. |
| Laporan kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan syarikat) | • Laporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja yang ramai (melebihi 5% jumlah pekerja) kerana demam atau bersimptom.<br>• Pekerja yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C atau menunjukkan sebarang simptom batuk, sakit tekak atau sesak nafas hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan. |

# SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN (PKPB)

## Merangkumi

- Pengilangan dan pembuatan dalam sektor ekonomi perlu.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

| Waktu Beroperasi: | Normal | Waktu Kehadiran Pelanggan: | Normal | Kapasiti Pekerja: | Normal |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pembersihan dan disinfeksi | • Proses pembersihan dan disinfeksi perlu dilaksanakan tiga (3) kali sehari terutamanya di kawasan umum (*common space* ) dan sering disentuh seperti:<br>– lobi, butang lif, kafeteria, bilik mesyuarat, surau, bas / pengangkutan pekerja, pusat rekreasi tertutup, tandas dan tempat pembuangan sampah / tong sampah, tombol pintu dan pemegang tangan.<br>• Syarikat hendaklah menjalankan pembersihan dan disinfeksi di kilang / premis setiap kali sebelum syif atau operasi bermula.<br>• Syarikat hendaklah menyediakan *hand sanitizer* di pintu masuk, semua kawasan umum (*common area*) dan tempat-tempat lain di dalam kilang / premis. |
| Penjarakan fizikal dan tatacara keselamatan kesihatan pekerja | • Pemakaian pelitup muka (*face mask)* oleh setiap pekerja di kawasan umum adalah diwajibkan.<br>• Memastikan garis panduan amalan terbaik sosial / penjarakan fizikal disediakan seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dan dilaksanakan khususnya di:<br>– kawasan-kawasan seperti *production floor*, kafeteria / kantin, bilik mesyuarat, surau, dewan serbaguna *(multipurpose hall)* dan lain-lain yang berkenaan. |

# SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN (PKPB)

Dikemaskini pada 31 Mac 2021

## Merangkumi

- Pengilangan dan pembuatan dalam sektor ekonomi perlu.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Beroperasi:** | **Normal** | **Waktu Kehadiran Pelanggan:** | **Normal** | **Kapasiti Pekerja:** | **Normal** |

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Etika di kawasan umum dalam premis | • Kemudahan surau dan tempat ibadat dalam premis perlu dikawal dengan amalan penjarakan fizikal 1 meter dan memakai pelitup muka.<br>• Waktu rehat makan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat bergantung kesesuaian yang ditetapkan syarikat.<br>• Kantin / kafeteria dibenarkan untuk beroperasi di dalam premis dengan amalan penjarakan fizikal yang ketat. |
| Pengangkutan pekerja | • Mengikut kapasiti kenderaan syarikat dengan **MEWAJIBKAN** pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal.<br>• Kenderaan pengangkutan pekerja yang disediakan oleh syarikat perlu menjalani proses disinfeksi setiap kali selepas digunakan.<br>• Kenderaan persendirian digalakkan untuk didisinfeksi sendiri oleh pekerja mengikut tatacara yang bersesuaian. |

# SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN (PKPB)

Dikemaskini pada 31 Mac 2021

## Merangkumi

- Pengilangan dan pembuatan dalam sektor ekonomi perlu.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

| Waktu Beroperasi: | Normal | Waktu Kehadiran Pelanggan: | Normal | Kapasiti Pekerja: | Normal |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Penginapan pekerja (jika disediakan majikan) | • Pematuhan kepada prosedur di bawah Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 (Akta 446), termasuk memastikan penginapan pekerja yang memenuhi standard minimum di bawah Akta serta langkah pencegahan untuk membendung penyebaran penyakit berjangkit.<br>• Penjarakan fizikal hendaklah dilaksanakan di ruang tempat tidur, tempat khas merokok, tandas, bilik mandi, tempat ibadat, ruang makan dan lain-lain.<br>• Proses disinfeksi perlu dilakukan setiap hari mengikut masa yang ditetapkan majikan.<br>• Penempatan pengawal keselamatan dengan pemasangan CCTV untuk kawalan isolasi. |

# SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN (PKPB)

Dikemaskini pada 31 Mac 2021

## Merangkumi

- Pengilangan dan pembuatan dalam sektor ekonomi perlu.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

| Waktu Beroperasi: | Normal | Waktu Kehadiran Pelanggan: | Normal | Kapasiti Pekerja: | Normal |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Tindak Balas Kecemasan (Emergency Response Team – ERT) | • Syarikat perlu mewujudkan **Pasukan Pemantauan COVID-19 (ERT)** bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes kecemasan (terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan COVID-19). Pasukan ERT ini boleh dilantik dari kalangan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Syarikat (JKKP) dan bertanggungjawab:<br>✓ Memastikan pematuhan terhadap SOP yang dikeluarkan oleh MKN; dan<br>✓ Membuat penyelarasan langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di tempat kerja.<br>• Syarikat bertanggungjawab untuk menanggung sepenuhnya kos saringan, sekiranya perlu.<br>• Kos pembersihan dan disinfeksi di premis setelah mendapati ada kes positif perlu ditanggung oleh syarikat.<br>• Pelaksanaan ini perlu dilaksanakan selaras dengan Peraturan-Peraturan di bawah Akta 342 Kementerian Kesihatan Malaysia. |

# SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN (PKPB)

Dikemaskini pada 31 Mac 2021

## Merangkumi

- Pengilangan dan pembuatan dalam sektor ekonomi perlu.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

| **Waktu Beroperasi:** | Normal | **Waktu Kehadiran Pelanggan:** | Normal | **Kapasiti Pekerja:** | Normal |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pemantauan pekerja oleh ERT | • Mengawalselia asrama dan kuarters pekerja berpusat, pergerakan pekerja dari kediaman dan tempat kerja.<br>• Bertanggungjawab untuk melaksanakan program kesedaran - *Plantwide Employee Communication.*<br>• Disyorkan syarikat menyediakan pendekatan pintar (*digital approach*) seperti *wearable devices / dongle* yang dilengkapi dengan sistem *real time contact tracing* dalam pemantauan pekerja. ****Sistem digital tersebut boleh mengunapakai sistem MySejahtera atau sistem-sistem lain yang bersesuaian***. Semua data tersebut perlu dikongsi kepada KKM sekiranya perlu.<br>• Melaksanakan pemantauan harian pekerja (suhu dan gejala) mengikut SOP.<br>• Mengelakkan 3C (*confine, crowded and close*).<br>• Memastikan amalan 3W (*wash hands, wear mask and warn others to adhere to SOP*).<br>• Melaksanakan audit pematuhan SOP COVID-19 secara harian.<br>• Mewujudkan sistem *whistle blower* dalam kalangan pekerja untuk mengenalpasti ketidakpatuhan SOP. |

Real Time contact tracing = Sistem atau peranti yang boleh merekod / mengumpulkan maklumat tentang pekerja, lokasi dan tempat yang mereka kunjungi beserta individu yang ditemui dalam tempoh masa yang ditentukan untuk tujuan pengesanan, berdasarkan informasi pengesanan GPS termasuk jantina dan kewarganegaraan pengguna.

# SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN (PKPB)

Dikemaskini pada 31 Mac 2021

## Merangkumi

- Pengilangan dan pembuatan dalam sektor ekonomi perlu.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

| Waktu Beroperasi: | Normal | Waktu Kehadiran Pelanggan: | Normal | Kapasiti Pekerja: | Normal |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pengurusan Kes Positif COVID-19 | • Majikan WAJIB memaklumkan maklumat pekerja yang positif dan kontak rapat kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berhampiran selaras dengan Seksyen 11 (1) Akta 342. Pekerja positif juga perlu memaklumkan PKD secara sendiri menggunakan aplikasi MySejahtera.<br>• Majikan perlu melantik seorang pegawai di bawah Pasukan ERT untuk menguruskan segala urusan berkaitan kuarantin bagi pekerja dan mengenalpasti kontak rapat pesakit tersebut. Pegawai tersebut hendaklah dilantik dari peringkat pengurus ke atas dan melaporkan status pemantauan setiap hari.<br>• Semua pekerja positif perlu dipakaikan gelang pengawasan (*wristband*) oleh PKD atau hospital / klinik swasta yang diiktiraf oleh KKM.<br>• Sementara menunggu tindakan daripada pihak PKD, majikan WAJIB mengarahkan semua pekerja yang didapati positif menjalankan kuarantin di penempatan khas (asrama pekerja / pusat penempatan pekerja / hotel tertakluk perbincangan dan pengesahan dengan pihak PKD) di bawah tanggungan majikan dan menyediakan identiti pengenalan kepada pekerja tersebut. Penempatan tersebut perlu dikawal dengan ketat dan tiada urusan keluar masuk dibenarkan dari penempatan khas kecuali dengan kebenaran PKD. Majikan perlu menanggung semua kos dan menyediakan makanan serta keperluan asas lain yang secukupnya. |

# SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN (PKPB)

Dikemaskini pada 31 Mac 2021

## Merangkumi

- Pengilangan dan pembuatan dalam sektor ekonomi perlu.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

| Waktu Beroperasi: | Normal | Waktu Kehadiran Pelanggan: | Normal | Kapasiti Pekerja: | Normal |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pengurusan Kes Positif COVID-19 | • Setiap pekerja perlu memaklumkan status kesihatan secara harian melalui aplikasi MySejahtera.<br>• Bagi pekerja positif di penempatan khas yang bergejala teruk perlu dirujuk kepada Klinik / Hospital Kerajaan / Hospital Swasta (yang diiktiraf oleh KKM) yang terdekat.<br>• Pekerja positif yang didiscaj boleh kembali bekerja selepas 10 hari tanpa menjalani ujian saringan kedua. |

# SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN (PKPB)

Dikemaskini pada 31 Mac 2021

## Merangkumi

- Pengilangan dan pembuatan dalam sektor ekonomi perlu.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

| Waktu Beroperasi: | Normal | Waktu Kehadiran Pelanggan: | Normal | Kapasiti Pekerja: | Normal |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pengurusan kes kontak rapat pekerja tempatan dan asing.<br><br>Definisi Kontrak rapat adalah individu yang berhubung secara langsung dengan kes positif dalam masa 14 hari kebelakangan sama ada;<br>• Besemuka dengan pesakit COVID-19 pada jarak kurang satu meter; atau<br>• Individu yang tinggal serumah dengan kes disahkan COVID-19; atau<br>• Bersentuhan (kontak fizikal) dengan pesakit kes COVID-19. | • Pegawai Pasukan ERT **WAJIB** mengenalpasti kontak rapat kepada kes positif dengan serta merta dan memaklumkan kepada PKD. Penggunaan sistem pintar (*real time contact tracing*) adalah disyorkan bagi mempercepatkan urusan pengesanan kontak rapat.<br>• Majikan **WAJIB** menguruskan ujian saringan COVID-19 bagi kontak rapat pekerja yang bergejala di Hospital / Klinik Swasta yang diiktiraf oleh KKM.<br>• Semua kontak rapat perlu dipakaikan gelang pengawasan (*wristband*) oleh PKD atau klinik swasta yang diiktiraf oleh KKM. Majikan WAJIB mengarahkan kontak rapat tersebut menjalani kuarantin:<br>i. Di penempatan khas (asrama pekerja / pusat penempatan pekerja / hotel tertakluk perbincangan dan pengesahan dengan pihak PKD) di bawah tanggungan majikan; atau<br>ii. Di kediaman pekerja tersebut. |

# SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN (PKPB)

Dikemaskini pada 31 Mac 2021

## Merangkumi

- Pengilangan dan pembuatan dalam sektor ekonomi perlu.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Beroperasi:** | **Normal** | **Waktu Kehadiran Pelanggan:** | **Normal** | **Kapasiti Pekerja:** | **Normal** |

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pengurusan kes kontak rapat pekerja tempatan dan asing.<br><br>Definisi Kontrak rapat adalah individu yang berhubung secara langsung dengan kes positif dalam masa 14 hari kebelakangan sama ada;<br>• Besemuka dengan pesakit COVID-19 pada jarak kurang satu meter; atau<br>• Individu yang tinggal serumah dengan kes disahkan COVID-19; atau<br>• Bersentuhan (kontak fizikal) dengan pesakit kes COVID-19. | • Penempatan khas perlu dikawal dengan ketat dan tiada urusan keluar masuk dibenarkan dari setiap bilik. Majikan perlu menanggung semua kos dan menyediakan makanan serta keperluan asas lain yang secukupnya ke setiap bilik.<br>• Majikan perlu menyediakan identiti pengenalan kepada kontak rapat tersebut sekiranya tidak dipakaikan gelang pengawasan oleh PKD atau klinik swasta.<br>• Pekerja yang kuarantin kendiri di kediaman tidak dibenarkan untuk keluar dari kediaman sehingga diberikan kelulusan oleh PKD. Sekiranya PKD tidak memaklumkan kepada majikan selepas 10 hari kontak rapat pekerja tempatan menjalani kuarantin kendiri, boleh kembali bekerja selepas itu tanpa menjalani ujian saringan kedua.<br>• Setiap pekerja perlu memaklumkan status kesihatan secara harian melalui aplikasi MySejahtera. |

# SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN (PKPB)

Dikemaskini pada 31 Mac 2021

## Merangkumi

- Pengilangan dan pembuatan dalam sektor ekonomi perlu.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

| Waktu Beroperasi: | Normal | Waktu Kehadiran Pelanggan: | Normal | Kapasiti Pekerja: | Normal |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Taklimat kepada pengawal keselamatan dan kakitangan berhubung penyakit COVID-19 dan langkah-langkah pencegahan. | • Syarikat perlu memberi taklimat yang sesuai secara berterusan kepada pekerja berkenaan penyakit COVID-19 dan langkah-langkah pencegahan yang perlu diikuti.<br>• Pegawai Perhubungan yang bertanggungjawab mengenai urusan penginapan pekerja dan juga urusan kuarantin kendiri bagi pekerja yang disahkan positif dan kontak rapat pekerja tersebut juga perlu diberi taklimat mengenai prosedur kuarantin kendiri tersebut. |
| Penutupan premis | • Jika terdapat kes positif, ruang premis yang terdedah kepada kes positif akan ditutup oleh PKD untuk pelaksanaan disinfeksi bagi ruangan yang dikenalpasti. Tempoh penutupan adalah antara 1 hingga 7 hari berdasarkan penilaian PKD.<br>• Setelah disinfeksi tamat, majikan perlu memaklumkan kepada PKD untuk pemeriksaan dan pembukaan semula premis. |
| Pembukaan semula premis | • Ruang premis boleh dibenarkan beroperasi semula setelah proses pengesanan kontak rapat dilaksanakan, premis selesai diinfeksi, pengasingan pekerja positif dan kontak rapat dilakukan dan penilaian risiko oleh PKD jika berkaitan. PKD hendaklah dimaklumkan bagi urusan pembukaan premis tersebut. |

# SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN (PKPB)

Dikemaskini pada 31 Mac 2021

## Merangkumi

- Pengilangan dan pembuatan dalam sektor ekonomi perlu.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

| Waktu Beroperasi: | Normal | Waktu Kehadiran Pelanggan: | Normal | Kapasiti Pekerja: | Normal |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aplikasi MySejahtera | • Pekerja dan pelanggan perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing.<br>• Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelawat, pelanggan dan pekerja yang memasuki premis.<br>• Memastikan pelawat, pelanggan dan pekerja melalui proses rekod kehadiran secara manual dengan mencatatkan nama dan nombor telefon (bagi pengguna yang tiada kemudahan telefon pintar) atau menggunakan aplikasi MySejahtera. |
| Pematuhan dan penguatkuasaan | • MITI / KKM / PDRM/ JTK / PBT / JKKP / RELA atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa di bawah Akta 342 dan boleh membuat pemeriksaan pematuhan dan penguatkuasaan pada bila-bila masa.<br>• Berdasarkan kuasa yang diberi, MITI, PDRM dan KKM boleh mengarahkan penutupan premis selama 7 hari dengan serta-merta sekiranya ada pelanggaran terhadap syarat kebenaran beroperasi (pemakaian pelitup muka, bilangan pekerja, penjarakan fizikal, alat pelindung diri, saringan suhu badan dan sebagainya).<br>• Majikan hendaklah sentiasa melakukan hebahan kesedaran penjagaan kesihatan dan kebersihan diri bagi mengelak jangkitan COVID-19.<br>• Orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan dan melakukan suatu kesalahan boleh, apabila disabitkan, didenda mengikut nilai dan hukuman yang ditetapkan di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) |

Nota:
Syarikat hanya boleh menambah baik protokol ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali.